

# KES BUNUH KIM JONG-NAM



## Kuala Lumpur, Pyongyang akan duduk berbincang bawa pulang rakyat ke tanah air

**KUALALUMPUR** - Malaysia akan mengadakan pertemuan rasmi dengan Korea Utara dalam beberapa hari lagi sebagai usaha membawa pulang rakyat Malaysia yang dihalang daripada meninggalkan negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman berkata, pada masa ini kementeriannya mengadakan perbincangan di peringkat dalaman dengan pihak berkaitan termasuk polis dan Kementerian Kesihatan sebagai persediaan untuk perbincangan itu.

Selasa lalu, Korea Utara menghalang rakyat Malaysia meninggalkan negara itu.

Pada mulanya, 11 rakyat Malaysia terlibat, namun dua daripada mereka iaitu petugas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, telah dibenarkan meninggalkan negara itu dan kini berada di Beijing.

"Kita hendak kaji dengan mendalam apa yang akan kita bincangkan sebelum pertemuan rasmi itu, perlu lihat dari segi undang-undang, kemanusiaan dan keselamatan.

"Kita akan ambil kira semua ini untuk pertimbangan," katanya selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan ahli keluarga



Foto: BERNAMA

**Anifah (duduk, tengah) bergambar dengan ahli keluarga rakyat Malaysia yang bermastautin di Korea Utara, selepas mengadakan pertemuan dengan mereka di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.**

rakyat Malaysia terlibat di sini semalam.

Anifah berkata, *venue* pertemuan dengan pihak Korea Utara itu masih belum ditentukan.

Sementara itu katanya, Malaysia tidak memertikan penglibatan pihak ketiga dalam menyelesaikan konflik dengan Korea Utara walaupun menerima banyak tawaran.

Menurutnya, menteri-menteri luar beberapa negara telah menghubunginya terus, manakala yang lain menyuruh pegawai mereka menghubungi Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ramlan Ibrahim untuk menawarkan bantuan mereka.

"Kita masih ada hubungan-diplomatik (dengan Korea Utara), kita tidak memertikan pihak ketiga walaupun ada banyak tawaran," katanya.

Beliau menjelaskan, pada masa ini Kerajaan Malaysia masih dapat berhubung terus dengan Kerajaan Korea Utara melalui kedutaan mereka di Kuala Lumpur.

"Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Korea Utara akan diteruskan jika sembilan rakyat Malaysia yang dilarang meninggalkan negara itu, dapat pulang ke tanah air dengan cepat dan selamat," katanya.

Menjawab soalan mengenai bekalan makanan halal untuk rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara, Anifah berkata, kebiasaannya kedudukan di Pyongyang akan mendapatkan bekalan dan barangan lain dari Beijing. - *Bernama*